

# Kos baik pulih 379 sekolah RM102.2j

BH 31/1

## Kerosakan boleh ancam keselamatan guru, murid

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Kementerian Pelajaran menganggarkan kos membaik pulih 379 sekolah di lapar negeri yang terjejas akibat banjir mencecah RM102.2 juta, termasuk RM65.5 juta di Johor yang paling teruk dilanda bencana itu.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kos RM102.2 juta merangkumi RM61.3 juta untuk pembaikan fizikal serta RM40.9 juta untuk peralatan dan perabot.

Antara kerosakan membabitkan bangunan iaitu bumbung tercabut, bilik darjah dipenuhi lumpur, kerosakan pintu dan bilik darjah, pagar

runtuh serta kerosakan padang.

"Kerosakan lain ialah tanah runtuh yang boleh menjejaskan keselamatan guru dan murid, perabot dan harta modal membabitkan pengajaran dan pembelajaran (P&P), pentadbiran seperti peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta infrastruktur asas," katanya dalam kenyataannya di sini semalam.

Akhbar semalam melaporkan kerajaan menanggung kerugian RM1.5 bilion akibat dua gelombang banjir terutama di Johor sejak pertengahan bulan lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata anggaran itu tidak termasuk kerugian peribadi dan sektor komersial serta yang di-

tanggung syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Telekom dan Tenaga Nasional Berhad.

Hishammuddin berkata, sekolah aliran lain terjejas akibat banjir turut menerima bantuan kerajaan.

"Kementerian bersikap terbuka dan saksama bagi memastikan kebajikan guru dan murid sekolah aliran lain tetap dibela.

"Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) juga memberi maklum balas dan laporan mengenai sekolah jenis kebangsaan yang terjejas akibat banjir. Sekolah terbabit turut disenaraikan untuk menerima bantuan kementerian," katanya.

Hishammuddin berkata, beliau menerima permohonan khas bantu-

an sekolah jenis kebangsaan daripada Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Naib Presidennya, Datuk Seri Chua Soi Lek; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu serta timbalan beliau sendiri, Datuk Hon Choon Kim.

"Permohonan sudah saya luluskan dan berharap mereka dapat membantu kementerian memantau situasi sekolah terbabit bagi memastikan bantuan itu membantu memulihkan sekolah berkenaan," katanya.

Hishammuddin berkata, sekolah yang mengalami kerosakan kemudahan akibat banjir perlu dibaiki segera bagi memastikan sesi persekolahan diteruskan seperti biasa serta pelajar selesai menjalani proses P&P.

### Naza Motor bantu mangsa banjir

**PENGARAH** Naza Motor Trading Sdn Bhd, Datuk SM Sharifuddin Mohd Amin (kiri) menyampaikan replika cek RM10,000 untuk tabung Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP kepada Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Datuk Syed Nadzri Syed Harun, di Balai Berita, semalam. Bantuan berkenaan adalah hasil sumbangan kakitangan kumpulan Naza dan pengedar Naza Kia di seluruh negara.

